

Lebih 126,000 warga sudah manfaatkan Kredit SkillsFuture

Kursus paling popular kalangan semua kumpulan usia dalam bidang teknologi infokom

► IRMA KAMARUDIN
irmak@sph.com.sg

LEBIH 126,000 rakyat Singapura telah menggunakan Kredit SkillsFuture mereka bagi mempertingkatkan atau memperolehi kemahiran sehingga akhir Disember tahun lalu dalam tahun pertama skim itu diadakan.

Malah, 34 peratus daripada mereka juga telah memanfaatkan Kredit SkillsFuture lebih daripada sekali, kata SkillsFuture Singapore (SSG) melalui satu kenyataannya.

Penggunaan purata kredit itu paling tinggi di kalangan kumpulan usia antara 25 dengan 29 tahun, iaitu pada hampir \$400 seorang.

Bidang latihan paling popular dalam kalangan semua kumpulan usia pula merupakan teknologi infokom (ICT).

“Rakyat Singapura lebih muda menyertai kursus kemahiran ICT seperti analitik data, sementara rakyat Singapura lebih berusia pula menggunakan Kredit SkillsFuture mereka untuk memperolehi kemahiran ICT lebih asas seperti menggunakan fungsi asas komputer,” kata SSG.

Antara bidang latihan popular lain termasuk kemahiran bahasa, produktiviti dan inovasi serta keselamatan dan siasatan.

Sementara itu, jumlah kursus latihan yang layak bagi Kredit SkillsFuture juga meningkat daripada lebih 10,000 kursus pada Januari tahun lalu kepada lebih 18,000 kursus menjelang Disember 2016.

Kursus tersebut disediakan oleh lebih 700 penyedia latihan yang merangkumi penyedia awam dan privat.

Antara penyedia latihan dalam senarai 10 tangga teratas berdasarkan jumlah kursus yang ditawarkan termasuk Universiti SIM, NTUC Learninghub Pte Ltd, dan Pusat bagi Pendidikan Berterusan, Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

SSG berkata ia akan terus mengenal pasti dan mendapatkan penyedia latihan bermutu tinggi. Ini termasuk INSEAD, Udacity dan edX yang akan menyediakan kursus

yang layak bagi Kredit SkillsFuture dalam beberapa bulan mendatang.

Dalam pada itu, sekitar 6 peratus rakyat Singapura telah menggunakan Kredit SkillsFuture mereka bagi Kursus Dalam Talian Terbuka Besar (MOOC), dengan kebanyakannya dalam kumpulan usia 25 hingga 39 tahun.

MOOC membolehkan peserta mengikuti kursus dalam talian mengikut masa mereka sendiri, menjadikan pembelajaran fleksibel dan mudah.

Menurut SSG, MOOC membentuk 12 peratus daripada kesemua kursus yang layak bagi Kredit SkillsFuture.

“SSG akan terus mempertingkatkan usaha mendekati dan menasihati rakyat Singapura tentang bagaimana mereka boleh menggunakan Kredit SkillsFuture mereka dengan baik untuk memperdalam kemahiran mereka atau memperolehi kemahiran baru,” kata SSG.

Awal dari itu, SSG turut mengeluarkan garis panduan baru bagi penyedia latihan kursus-kursus yang layak menggunakan Kredit SkillsFuture (SFC).

Langkah itu diambil supaya penyedia latihan lebih jelas mengenai pengiklanan bagi kursus yang mereka tawarkan.

SSG menyatakan bahawa di bawah garis panduan baru itu, penyedia latihan wajib mematuhi syarat antaranya memastikan sebarang bahan pemasaran bagi kursus yang layak menggunakan SFC mengandungi maklumat yang tepat.

Semua penyedia latihan dinasihati supaya meletakkan ayat berikut pada iklan bagi kursus yang ditawarkan:

“Semua rakyat Singapura berusia 25 tahun ke atas boleh menggunakan Kredit SkillsFuture \$500 yang diberikan pemerintah untuk membayar pelbagai kursus berkaitan kemahiran, yang diluluskan.

“Lungsuri laman Kredit SkillsFuture (www.skillsfuture.sg/credit) untuk memilih kursus-kursus yang ada dalam senarai kursus Kredit SkillsFuture.”